

e-Buletin

UNIT PSV JSS IPGM KTI

KARNIVAL EKSPLORASI PENDIDIKAN TEMENGGONG IBRAHIM (KEPTI)

17&18 JULAI 2023- Karnival Eksplorasi Pendidikan Temenggong Ibrahim yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim telah diadakan bertempat di Dewan Seri Temenggong selama dua hari dan telah melibatkan siswa/i PISMP PSV Ambilan Jun 22/27. Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan daya kreativiti kanak-kanak dan semua peserta yang hadir dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan.



Program ini bukan sahaja terdiri daripada peserta dari pelajar Intitut Pendidikan Guru Temenggong Ibrahim, malah turut dijemput hadir murid-murid dari beberapa buah sekolah rendah. Hal ini bagi memeriahkan lagi program ini serta memberi peluang kepada mereka untuk mengikuti aktiviti-aktiviti seni kreatif yang telah dianjurkan oleh Jabatan Sains Sosial IPGKTI.

Terdapat beberapa booth bagi aktiviti-aktiviti kraf kreatif disediakan sepanjang program ini berlangsung yang memberi peluang kepada semua peserta untuk menghasilkan hasil seni yang mungkin tidak dapat diperoleh di tempat lain. Melalui program ini peserta dapat meluahkan kreativiti mereka dan mendapat pengalaman yang sangat menyeronokkan.

PERTANDINGAN KRAFT KREATIF 2023

ANJURAN: JABATAN SAINS SOSIAL, IKHLAK

Syarat dan Ketentuan:

- 1.Kraf kreatif yang dihasilkan adalah berbentuk 3 dimensi.
- 2.Penghasilan kraf boleh dihasilkan menggunakan media campuran yang tidak membahayakan diri dan orang lain.
- 3.Kraf yang dihasilkan hendaklah berukuran A4 (21 cm x 29.7 cm)
- 4.Penyerahan boleh dilakukan secara individu ataupun berkumpulan. (Maximun: 3 orang)
- 5.Kraf kreatif adalah bertemakan pembelajaran kanak-kanak.
- 6.Tarikh penerbitan: 20 Jun 2023 - 13 Julai 2023
- 7.Hubungi: 04-4332707 (Jasmin)
- 8.011-33099674 (Gloria)

HADIAH BERUPA WANG TUNAI DAN SJHL PENYERTAWA DISEDIAKAN

Terdapat juga aktiviti "Pertandingan Kraft Kreatif" yang terbuka kepada semua siswa/i IPGKTI secara individu ataupun secara berkumpulan. Hasil kraf kreatif mestilah bertemakan pembelajaran kanak-kanak yang dapat membantu perkembangan kanak-kanak.



Peserta berpeluang untuk mengambil pengalaman awal dalam menghasilkan tenunan menggunakan alat tenunan yang telah diinovasi.



Program ini lebih menarik kerana peserta boleh membawa pulang setiap hasil kraf kreatif yang telah dihasilkan oleh mereka sendiri sebagai kenangan.

Aktiviti-aktiviti Kraft Kreatif



Cetakan



Pertandingan Mewarna



Smart Shape Kit



Keychain Pom Pom



Rock & Clay Painting